

16 MAY 2001

Filipina-Malaysia

NAIB PRESIDEN FILIPINA AKAN LAWAT MALAYSIA

MANILA, 16 Mei (Bernama) -- Malaysia akan menjadi perhentian pertama apabila Naib Presiden Filipina Teofisto Guingona berlepas pada Khamis untuk lawatan lima hari ke beberapa negara Asean.

Guingona, yang juga merupakan Setiausaha Hal Ehwal Luar, akan mengadakan perjumpaan dengan para pegawai Malaysia dan juga mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menurut kenyataan Jabatan Hal Ehwal Luar (DFA) hari ini.

Beliau dijadual akan menyampaikan taklimat kepada para pegawai Malaysia mengenai perkembangan politik dan ekonomi di Filipina dan berbincang dengan mereka mengenai isu-isu kepentingan dua hala.

Menurut kenyataan itu, Guingona juga akan menyampaikan taklimat mengenai lawatan rasmi Presiden Gloria Arroyo ke Malaysia tahun ini.

Dari Malaysia, Naib Presiden itu akan meneruskan lawatan ke Brunei Darussalam dan Singapura sebelum berlepas ke mesyuarat Asia-Eropah di China, menurut kenyataan itu.

Semasa lawatan itu, Guingona juga akan berjumpa msayarakat Filipina di ketiga-tiga negara itu.

Di China, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan rakan sejawatannya iaitu Naib Presiden China Hu Jintao dan para perwakilan negara-negara Eropah.

Lawatan Guingona ke luar negara itu merupakan yang kedua sejak beliau memegang jawatan sebagai naib presiden dan setiausaha hal ehwal luar pada Januari lepas selepas Presiden Joseph Estrada disingkirkan.

Beliau melawat Myanmar bulan lepas untuk menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean.

Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

ALJ ZS RHM